

Kadar tarif elektrik, air kekal, harga ayam tak diapung

BH- 25/6/2022 ml: 5

Kerajaan komited tampung subsidi RM5.8 bilion walaupun kos bahan api naik mendadak

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan memutuskan, kadar tarif elektrik dan air di Semenanjung, kekal mengikut kadar semasa, manakala harga ayam tidak akan diapungkan dalam pasaran, sebaliknya paras siling baharu diumumkan dalam masa terdekat, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, susulan keputusan tidak menaikkan kadar tarif elektrik dan air itu, kerajaan komited menampung subsidi sebanyak RM5.8 bilion, walaupun berlaku peningkatan mendadak kos bahan api dan penjana lain.

Ismail Sabri berkata, kerajaan turut memutuskan harga ayam dalam di pasaran tidak akan diapungkan, sebaliknya harga siling baharu akan diumumkan dalam masa terdekat oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kian-dee.

“Keputusan yang dibuat ini membuktikan keprihatinan kerajaan, demi menjaga kepentingan Keluarga Malaysia agar tidak terbeban dengan peningkatan harga dan cabaran kos sara hidup,” katanya.

Ketika ini kerajaan menetapkan harga maksimum runcit

ayam bagi Semenanjung untuk ayam bulat standard adalah pada RM8.90 sekilogram dan ayam bulat super (disebelah dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal) pada RM9.90 sekilogram.

Bagaimanapun, Perdana Menteri baru-baru ini mengumumkan bahawa kerajaan tidak lagi akan memberikan subsidi kepada penternak ayam, sekali gus dijangka menyaksikan harga bekal makanan segar terbabat, bakal diapungkan mulai 1 Julai ini.

Malah, penternak sebelum ini berharap kerajaan mengapungkan harga ayam susulan penamatan subsidi kepada mereka.

Bagaimanapun, langkah mengapungkan harga ayam berkenaan dikhuatiri pengguna bakal mencetuskan kenaikan harganya hingga mencapai RM15 sekilogram.